

# Kita mohon ekstradisi rakyat terlibat jenayah

UM 10 JAN 2002  
Oleh ASUKI ABAS

**P**UTRAJAYA 9 Jan. — Kerajaan Malaysia akan memohon untuk mengekstradisi rakyat Malaysia yang ditahan di Singapura, Faiz Abu Bakar Bafana, jika ia berkaitan kes jenayah dan polis Malaysia perlu membuat siasatan lanjut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekstradisi biasanya dibuat dalam kes-kes jenayah yang memerlukan siasatan oleh polis tempatan.

"Ekstradisi biasanya untuk kes jenayah sahaja, dalam kes lain kita tidak buat.

"Bagaimanapun kita akan lihat dahulu tuduhan yang dibuat oleh kerajaan Singapura terhadap mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri.

Dr. Mahathir menjawab

soalan pemberita sama ada Malaysia akan mengekstradisi Faiz, 39, yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bersama 14 orang lagi oleh pihak berkuasa Singapura antara 9 hingga 24 Disem-

ber lepas kerana disyaki terlibat dengan kegiatan berunsur pengganas.

Kementerian Dalam Negeri Singapura berkata, beberapa orang daripada mereka yang ditahan telah pergi ke Afghanistan dan

menjalani latihan jangka pendek di kem Al-Qaeda.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin yang ditemui kemudian menjelaskan, ekstradisi itu akan dibuat sekiranya siasatan

lanjut mengenai keselamatan negara atau bantuan dari polis Malaysia diperlukan.

"Dia perlu dibicarakan dahulu di negara yang menangkapnya tetapi sekiranya dia tidak boleh membantu kita dalam penyiasatan lain, mungkin tidak perlu," katanya.

Mengenai rancangan untuk memperketatkan syarat bagi memohon status pemastautin tetap (PR) di negara ini, Zainal Abidin berkata, siasatan lebih mendalam akan dibuat terhadap pemohon termasuk apa yang telah dilakukannya pada masa lalu atau latar belakang tempat asalnya.

"Ini meliputi dari segi tempat asalnya (seperti) sama ada dia dari rumpun kumpulan militan atau tidak, supaya dia tidak membawa budaya militan ke negara ini," ujarnya.

Menurutnya, status PR selalunya diteliti sepanjang masa dan apa yang telah berlaku terhadap Faiz telah dijadikan pengajaran oleh pihaknya.

Faiz yang menjalankan perniagaan di Gombak merupakan bekas rakyat Singapura yang kini menjadi warganegara Malaysia.